

Warta **102** Konvo

Edisi 13 September 2025

**TIGA SRIKANDI
KEBANGGAAN
MASS COMM UiTM**

**PENGIKTIRAFAN
TERHADAP GRADUAN BUKTI
UiTM DIYAKINI INDUSTRI**

**UiTM MELAKA PASTIKAN GRADUAN
BERSEDIA BERSAINGAN PASARAN KERJA**

DARI “KETUA KELAS” KE PEMEGANG IJAZAH



Muhammad Fareez Daniel Sharabuddin



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

“Bangun, Selamat Pagi Cikgu!” ayat ini tidak asing bagi masyarakat secara umumnya. Itu adalah rangkap ayat yang terkenal disebabkan Ehsan, watak dari cerita Upin Ipin.

Pelakon suaranya, Muhammad Fareez Daniel Sharabuddin, berjaya menamatkan pengajiannya di atas komitmen luar biasa untuk jurusan pengiklanan (*advertising*) di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-102.

Bagi Muhammad Fareez keputusannya untuk menyambung pelajaran walaupun sudah memiliki karier yang stabil, menjelaskan pendidikan itu adalah keutamaan hakiki seseorang.

“Bagi saya pelajaran sangat penting. Macam mana sekalipun kita, kita kena belajar. Sebab ilmu tu sangat-sangat pentinglah,” ujar beliau.

Muhammad Fareez juga berkongsi bahawa perjalanan pendidikan di UiTM bukanlah mudah. Beliau mengakui

cabaran di peringkat ijazah jauh berbeza daripada diploma, namun segala penat lelah akhirnya berbaloi.

“Segala yang saya tempuhi itu, dapatlah akhirnya dibalas, *worth it*,” katanya. Dengan pencapaian ini, beliau berharap dapat melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang, termasuk master dan PhD.

Sebagai seorang yang cepat bosan, beliau sentiasa mencari cabaran baharu dan inspirasi untuk bergerak ke hadapan.

“Saya akan cari benda baru sebab saya seorang yang cepat bosan juga. Jadi setiap kali saya kena cari benda yang baru untuk saya dapat inspirasi dan kadang rasa nak cuba. Sebab rasa nak cuba tu yang buat saya bergerak ke hadapan,” kongsinya.

Muhammad Fareez juga berpesan kepada graduan muda UiTM agar terus berusaha kerana segala yang dipelajari dan dilakukan kini akan berbaloi pada masa hadapan dan membentuk masa depan mereka. Beliau berharap semua graduan dapat terus berbakti kepada masyarakat, membanggakan keluarga, dan menjadi idola kepada orang lain.